



KENYATAAN MEDIA

"PELADANG MADA DINASIHATKAN SEGERA MELAKUKAN AKTIVITI TANAMAN PADI"

1. Paras air di tiga empangan iaitu Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning dibawah seliaan MADA masih berada pada tahap baik.
2. Status keseluruhan kedudukan takungan empangan pada 2 Mei 2023 adalah berada pada 76.4% dimana Empangan Pedu 74.19%, Empangan Muda 54.6% dan Empangan Ahning 97.83%.
3. Sumber air utama untuk pengairan padi bagi Musim 1/2023 adalah daripada pelepasan empangan dan bekalan air pengairan adalah mencukupi dan perlu mengikut fasa-fasa pengairan berdasarkan kepada Jadual Penanaman Padi Musim 1/2023.
4. Sehingga 1 Mei 2023 purata turunan hujan di kawasan Muda adalah sebanyak 292.4 mm. Kemajuan aktiviti penyediaan tanah sehingga 1 Mei 2023, sebanyak 62.7%.
5. Para peladang dinasihatkan supaya mempercepatkan aktiviti dan mematuhi jadual penanaman padi yang telah dikeluarkan. Peladang juga disyorkan bagi menjalankan putaran kering dengan segera sebelum bekalan masuk ke sawah dan menjalankan putaran basah serta aktiviti penanaman mengikut fasa yang telah ditetapkan.
6. Kerjasama peladang menguruskan air di peringkat sawah secara berhemah adalah penting bagi memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna dan mengelakkan pembaziran.
7. Pihak MADA sentiasa memantau keadaan cuaca semasa serta pelaksanaan kemajuan aktiviti di peringkat sawah bagi memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna mengikut fasa yang ditetapkan serta memastikan penanaman padi Musim 1/2023 berjalan lancar.

Dikeluarkan Oleh :

Cawangan Komunikasi Korporat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda - MADA

2 Mei 2023